

**Nama Kolum:** Perbendaharaan Rahsia Raja (17)

**Nama Pena:** Bonda Tun

**Tarikh:** 27/04/17

Bismillahirrahmanirrahim.

Antara gelaran yang kerap digunakan pada pemerintah daulah-daulah yang bercirikan pemerintahan Islam di zaman dahulu adalah gelar *zilullah fil-ardh* dan *zilullah fil-'alam*, yang bermaksud 'bayang-bayang Allah di muka bumi ini'. Kedua-dua istilah ini disebut sebagai bersumber dari warisan yang diperturunkan oleh para khalifah dari daulah Abbasiyah dan Saljuk di Baghdad, Mamluk di Mesir, Uthmaniyah di Turki dan Khilji serta Moghul di India. Hatta gelaran ini juga sinonim dengan pemerintahan Raja-raja Melayu Nusantara, antara raja-raja yang memakai gelar ini adalah Sultan Alaidin Johan Syah dari kerajaan Lamuri (abad ke 16), Sultan Nuruddin Abu Bakar Ali Syah, Sultan Jamaluddin Ali Syah dan Sultan Hasanuddin Muhammad Ali Syah dari kerajaan Bima (abad ke 17), Sultan Ismail Syah dari kerajaan Patani (abad ke 16), sultan-sultan Melaka seperti Sultan Muhammad Syah, Sultan Muzaffar Syah & Sultan Mansur Syah (abad ke 15-16), Sultan Alauddin Riayat Shah II, Sultan Muzaffar dan Sultan Abdul Jalil Syah dari kesultanan Johor Lama (abad ke 16-17) dan ramai lagi pemerintah dari berbagai kerajaan dan kesultanan Alam Melayu.

Sebagai suatu gelaran yang 'berat dan mendalam' jika dilihat dari perspektif Tauhid Makrifat, iaitu sebagai penzahiran Asma', Sifat dan Af'al Allah dalam urusan pemerintahan dan kepimpinan umat Islam, maka ianya tidak akan terlepas dari kajian dan pembahasan tentang corak dan gerak Islam dalam kesultanan-kesultanan silam di Alam Melayu ini. Apatah lagi jika dikaitkan perkara 'pemerintahan umat Islam' itu dengan peranan sebagai khulafa' Rasulullah ﷺ, iaitu pengganti atau wakil baginda dalam memimpin umat Islam setelah kewafatan baginda, maka kedua-dua istilah ini, iaitu *zilullah fil ardh* atau *zilullah fil 'alam* dan khulafa' Rasulullah ﷺ, merujuk kepada suatu tanggungjawab yang sangat penting, besar dan agung.

Manakan tidak, dalam kitab *Tajussalatin*, konsep 'bayangan Allah' di mukabumi ini diungkapkan sebagai suatu pengamahan secara langsung daripada Allah melalui takdirNya. Dalam kitab tersebut tertera kenyataan seperti berikut: "*Ketahuilah olehmu bahawa umpama seorang raja dalam negeri itu demikian juga perinya pada hadhrat Allah Ta'ala yang Allah Taa'la itu dipilihnya dalam segala hambaNya dan menyerahkan segala hambaNya padanya. Maka raja itu harus memelihara segala hamba supaya tiap-tiap hari bertambah-tambah kebesarannya dalam dunia dan akhirat* "

Imam al-Ghazali juga menegaskan keistimewaan ini, iaitu pemerintah atau raja merupakan seseorang yang diberikan kedudukan yang tinggi dan istimewa daripada anugerah Tuhannya untuk memimpin manusia di dunia dan dianggap sebagai *zilluh fil ardh* atau *zilullahi fil-alam*, iaitu 'bayang-bayang Allah' di muka bumi.

Adalah suatu kesilapan yang nyata untuk mengaitkan *zilullahi fil 'alam* sebagai warisan Hinduisme, iaitu konsep devaraja yang mengaitkan raja sebagai titisan dewa-dewa. Unsur-unsur ini memperkenalkan sistem kasta dalam kehidupan masyarakat Hindu, yang mana wujud dua kategori manusia iaitu golongan bangsawan dan raja-raja yang dianggap kudus dan suci, dan golongan rakyat sebagai hamba yang berkhidmat kepada mereka. Golongan raja berhak menerima 'bhakti', iaitu kesetiaan membuta tuli yang tidak berbelah bagi daripada rakyat jelata untuk menerima anugerah iaitu balasan dari kemurahan 'dewata'. Sebarang penderhakaan dari rakyat akan mendapat celaka atau 'tulah'.

Sedangkan makna sebenar daripada konsep *zilullah fil ardh* atau *zilullah fil 'alam* itu adalah sebagai pengemban amanah pelaksanaan keadilan Ilahi untuk mensyiarkan agama dan syariatNya, sejajar dengan peranan sebagai khalifah Allah di dunia ini. Inilah maksud sebenar daripada kedudukan raja-raja sebagai bayangan Tuhan di atas muka bumi itu.

Dalam *Nasihat al Muluk*, al-Ghazali telah menerangkan beberapa ciri asas raja dalam peranannya sebagai 'bayang-bayang Tuhan' seperti yang berikut:

*"Bermula maknanya kata mereka itu "Farr-I Izadi", dan iaitu bayang-bayang ketuhanan dan nyata ia pada enam belas perkara: Suatu mengetahui dan sangat cerdasnya, dan mendapat segala sesuatu, dan rupa yang sempurna, dan mengetahui akan firasat, dan berani, dan didahulukan baik perangnya, dan insaf ia pada yang dhaif, dan kasih pada segala rakyat, dan menyatakan kebesaran dan menanggung kerajaan, murah pada tempatnya, dan baik bicara, dan memerintahkan pada segala pekerjaan, dan membanyak daripada membaca akan segala cerita, dan memelihara segala kelakuan raja-raja dan mentafahuskan daripada segala hal-ehwal".*

Sudah terang lagi bersuluh, dalam pentafsiran al-Ghazali di atas, bahawa konsep *zilullah fil ardh* dan *zilullah fil 'alam* itu mampu diletakkan di bawah lembayung Tauhid Makrifat, yang mana bayangan Allah itu bukan bermaksud Allah menjelma menjadi makhluk atau insan (iktiqad Hulul), tetapi insan sebagai makhluk ciptaanNya yang paling sempurna dalam menerima pantulan bayangan Wajah Sifat dan AsmaNya yang Agung. Keadilan, Kemurahan, Kebesaran, Keagungan, Kekuatan, Kekuasaan seorang raja secara hakikatnya hanyalah semata-mata 'pantulan' Sifat Ketuhanan yang dipancarkan ataupun suatu 'penceritaan' tentang Wajah Ketuhanan yang Maha Sempurna, maka tidak sayugialah seorang raja itu merasa sombong dan angkuh pada status dirinya kerana itu semua adalah pinjaman daripada Allah swt.

Hakikatnya Allah memakaikan sifat Jamal & JalalNya kepada makhluk ciptaanNya seperti sifat ar-Rahman, al-'Afwu, al-Ghaffar, al-Wahhab, al-Ghani, al-Malik dan sebagainya. Namun sifat Allah yang dipakaikan kepada makhlukNya adalah pada tahap kehambaan, makhluk, insan, serta dipakaikan pada kadar yang diizinkan bergantung pada makam pilihanNya. Contohnya, Rasulullah ﷺ yang digelar *insanul kamil* atau insan yang sempurna, adalah dipakaikan Sifat Allah pada tahap kehambaan makhluk yang paling tinggi dan sempurna. Maka tidak ada insan yang dapat menyamai sifat rahman, rahim, rahmat, pemurah, pemaaf, pemberi sebagaimana Rasulullah ﷺ

Pada kadar yang diizinkanNya juga dinisbatkan pada golongan yang duduk pada makam yang berbeza contohnya makam Nabi, sahabat, ahlul-bait, umara, ulama,

ibubapa, orang tua-tua dan sebagainya.

Maka sifat yang dikaitkan pada golongan umara, ulil amri atau raja-raja@sultan, adalah antara yang tinggi, yakni sifat *'adil, 'azhimi, akbar, qahhar* iaitu keagungan, kebesaran kemuliaan dan kehebatan, yang sudah tentu hanya terhad pada tahap kehambaan makhluk insan, Cuma dalam konteks martabat makhluk insan, Allah swt telah meninggikan makam zahir raja-raja sehingga menjadi *zilullahi fil ardh* atau *zilullah fil 'alam*. Maka untuk makam seperti ini, antara alamatnya adalah gelaran atau bentuk yang sesuai untuk menunjukkan keagungan zahiriyahnya pada tahap hamba@makhluk insan.

Bermakna dalam kosmos Kesultanan Melayu, sebagai menzahirkan serta mengadatkan alamat-alamat kebesaran, kemuliaan, kebesaran, kehebatan seseorang raja, yakni yang hakikatnya adalah bayangan atau pantulan Sifat Allah yang dipakaikan pada makhluk insan ciptaanNya, maka diperbuatkah gelaran, kata seru dan protokol-protokol yang sesuai bagi membezakan mana raja, mana ulama, mana hulubalang dan mana rakyat.

Maka lahirlah ungkapan Daulat Tuanku, menyembah ke bawah Duli Tuanku, menjunjung Duli (sambal diangkat kedua belah tangan ke dahi), protokol berhadapan dengan raja, mengundur dari majlis diraja, bukan sebagai alamat bahawa raja ini Tuhan, tetapi tanda bahawa raja ini telah dipakaikan dengan pantulan daripada Asma' dan Sifat Allah pada tahap kehambaan pada makam zahir yang tinggi iaitu makam umara, pada kadar yang diizinkanNya.

Duli Yang Maha Mulia, merujuk kepada gelaran bagi seorang raja sebagai menzahirkan kemuliaannya atas peranan sebagai *zilullahi fil ardh*, atau bayangan Tuhan di mukabumi ini. Qiasannya adalah kepada perutusan Rasulullah ﷺ kepada Raja Rom yang menyebutnya dengan gelaran *'azhimi* (iaitu gelaran kemuliaan yang bermaksud Maharaja atau Maha Mulia) berkadaran dengan kedudukannya sebagai raja Romawi.

Wallahu 'alam bissawab